

B627:

MAHATHIR-EXCO

OLEH AHMAT WAHAB

1782

KOTA BAHARU, 22 FEB. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA PARA ANGGOTA EXCO NEGERI MEMAHAMI SEGALA DASAR KERAJAAN LEBIH-LEBIH LAGI LATAR BELAKANG KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DIBUAT.

PERDANA MENTERI BERKATA KURANGNYA FAHAMAN MENGENAI DASAR-DASAR TERSEBUT BOLEH MENYEBABKAN BANYAK KEPUTUSAN KERAJAAN DISALAH-TAFSIR.

BERUCAP DI MAJLIS TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN NEGERI OLEH MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHD. YAACOB DI BILIK GERAKAN NEGERI DI SINI BELIAU BERKATA SALAHTAFSIRAN INI JUGA BERLAKU DI KALANGAN PARA PEGAWAI KERAJAAN.

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT TENTANG ARAHAN KERAJAAN SUPAYA SETIAP BANDAR DIJAGA KEBERSIHAN DAN KEINDAHANNYA.

+MALANGNYA KEPUTUSAN INI TELAH DISALAH-TAFSIR OLEH PIHAK PER-LAKSANA SUPAYA MELIPUTI PROJEK-PROJEK MEWAH SEPerti KOLAM RENANG DAN STADIUM YANG MENELAN BELANJA BERIBU-RIBU RINGGIT.

+SEBENARNYA KEPUTUSAN KERAJAAN HANYALAH SUPAYA KEBERSIHAN BANDAR DIJAGA DENGAN MEMBUANG SAMPAH SARAP DAN KEINDAHANNYA DIPELIHARA DENGAN MENANAM POKOK. + KATANYA. — BERSAMBUNG 1827/AI

B630:

MAHATHIR-EXCO 2 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI MENGELAKKAN KEADAAN SEPerti ITU PARA ANGGOTA EXCO PERLU BENAR-BENAR MEMAHAMI DASAR-DASAR KERAJAAN DAN SEGALA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEHNYA SERTA MEMAHAMI SEGALA SELOK-BELOK PENTADBIRAN KERAJAAN.

SELAIN ITU MEREKA JUGA PERLU MEMAHAMI KUASA-KUASA YANG ADA PADA MEREKA, KUASA-KUASA-KUASA PEGAWAI KERAJAAN DAN JUGA KUASA-KUASA KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN TUJUAN KERAJAAN MELANTIK ANGGOTA-ANGGOTA EXCO SUPAYA BEKERJA SEPENUH MASA BUKAN SEMATA-MATA UNTUK MENINGKATKAN TARAF MEREKA TETAPI KERANA MEREKA MEMPUNYAI PERANAN YANG PENTING DALAM MEMPASTIKAN KEJAYAAN PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN.

INI BAGAIMANAPUN TIDAK BERMAKNA PARA PEGAWAI KERAJAAN TIDAK BOLEH MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK TETAPI SEKADAR MEMPASTIKAN SEGALA PROJEK ITU BERJALAN DENGAN BAIK DAN TIDAK TERKELUAR DARI-PADA DASAR KERAJAAN, TEGASNYA.

BELIAU MENYARANKAN SUPAYA PARA ANGGOTA EXCO MELAWAT PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK MELIHAT SENDIRI PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK ITU DAN MENGESAN KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIHADAPI. — BERSAMBUNG 1833/AI

B631:

MAHATHIR-EXCO 3 KOTA BAHARU

BELIAU KESAL KERANA SELAMA INI BANYAK PROJEK PEMBANGUNAN TERGEN-DALA DAN INI BUKAN SAHAJA MENYEBABKAN KERAJAAN DAN RAKYAT MENANGGUNG RUGI TETAPI JUGA MENINGKATKAN KOSNYA SEHINGGA BERLIPAT GANDA APABILA IA DILAKSANAKAN KELAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA YANG LEBIH PENTING IALAH KELEWATAN-KELEWATAN SEPERTI ITU BOLEH MENJEJASKAN KEPERCAYAAN RAKYAT AKAN KEMAMPUAN KERAJAAN MELAKSANA DAN MENUNAIKAN JANJI-JANJI-NYA UNTUK MEMBAWA PEMBANGUNAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERPENDAPAT BAHAWA PROJEK-PROJEK BESAR DAN PENTING TIDAK PERLU DISERAHKAN KEPADA PAKAR-PAKAR PERUNDING UNTUK DIKAJI DAN DIBUAT REKA BENTUKNYA.

SEBALIKNYA PROJEK-PROJEK TERSEBUT BOLEH DITAWARKAN SECARA SIAP-GUNA BAGI MENJAMIN IA DAPAT DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL DAN MUNGKIN JUGA LEBIH AWAL DARI JADUAL, KATANYA.

BELIAU BERKATA PENGALAMAN NEGARA INI MENUNJUKKAN BAHAWA ADA PROJEK-PROJEK YANG DIKAJI DAN DIREKA BENTUK OLEH PAKAR-PAKAR PERUNDING TIDAK SESUAI DENGAN KEADAAN SETEMPAT.

KERJA-KERJA PEMBINAAN PROJEK PEMBANGUNAN MENURUTNYA DIDAPATI LEBIH BAIK DISERAHKAN KEPADA PIHAK PEMBORONG SECARA KONTRAK SIAP GUNA KERANA MEREKALAH YANG AKAN MELAKSANAKANNYA. — BERSAMBUNG
1937/AI

B632:

MAHATHIR-EXCO 4 KOTA BAHARU

BAGAIMANAPUN PERANAN PIHAK PAKAR PERUNDING BOLEH TERUS DIGUNAKAN TETAPI HANYA UNTUK MEMPASTIKAN PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK TERSEBUT BERJALAN MENGIKUT PELAN, TEGASNYA.

TURUT HADIR DALAM MAJLIS TAKLIMAT ITU IALAH MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENTERI PERUSAHAAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN. — BERNAMA 1840/AI